



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan  
Bandar Baru Tunjong,  
16010 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-741 8000  
Fax : 09-748 2554  
Website : jpnkelantan.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPKn/SKPP/1303/44 Jld. 4 ( 6 )

Tarikh : 29 Ogos 2019

**Pengetua  
Sekolah Menengah Kebangsaan**

**Guru Besar  
Sekolah Kebangsaan**

**Guru Besar  
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina**

**Guru Besar  
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil**

Tuan/ Puan,

**IKLAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN (PPP) GRED DG44, DG48 DAN DG52 DI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI  
(JPN) KELANTAN DAN PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH (PPD) NEGERI KELANTAN,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) TAHUN 2019**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan akan mengadakan sesi pemilihan dan temuduga bagi mengisi kekosongan jawatan **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG44, DG48 dan DG52** di JPN Kelantan dan PPD Negeri Kelantan.

3. Sehubungan itu, semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang **berminat dan berkecenderungan memenuhi syarat-syarat** berikut adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan:

a) Syarat Khusus:

- i. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang **berada di Gred DG44/ DG48/ DG52 (Hakiki) atau Gred DG44/ DG48/ DG52 Secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dan sedang memegang jawatan Pengetua/ Guru Besar/ Penolong Kanan/ Guru Kanan Mata Pelajaran/ Pengerusi Teknik/ Ketua Jurulatih Negeri dalam Sukan dan Kokurikulum di mana-mana Sekolah Rendah atau Sekolah Menengah di Negeri Kelantan;**

- ii. Telah berkhidmat **sekurang-kurangnya tiga (3) tahun** di jawatan pentadbiran (secara hakiki) sehingga 1 Ogos 2019 atau telah dilantik sebagai Pengerusi Teknik/ Ketua Jurulatih Negeri Sukan dan Kokurikulum selama tiga (3) tahun;
- iii. Mempunyai **sekurang-kurangnya lima (5) tahun tempoh perkhidmatan** sebelum tarikh bersara wajib mulai 1 Ogos 2019; dan
- iv. **Bersedia berkhidmat** di Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan atau mana-mana Pejabat Pendidikan Daerah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

b) Syarat Umum:

- i. Memperoleh markah Penilaian Bersepadu Pegawai Pkhidmatan Pendidikan (PBPPP) **sekurang-kurangnya 90% ke atas** bagi Tahun **2016, 2017 dan 2018**;
- ii. **Bebas dari tindakan tatatertib** dan **LULUS** tapisan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- iii. **Telah mengisytiharkan harta** (tempoh lulus isytihar harta tidak melebihi lima (5) tahun);
- iv. **Bebas** daripada Senarai **Peminjam Tegar** Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- v. **DIPERAKU** oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan.

4. Calon-calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan mengisi **borang yang dimuat turun melalui laman web <http://jpnkelantan.moe.gov.my>**


5. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan ke **Unit Naik Pangkat, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan pada atau sebelum 8 September 2019 (Ahad) sebelum jam 5 petang**.

6. Calon-calon yang tidak dihubungi **selepas satu (1) bulan** darikh tarikh tutup permohonan adalah dianggap **tidak berjaya**.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(ABU HANIPAH @ FAUZI BIN ZAHARI)  
Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

s.k. : Fail